

12 DISEMBER 2017

## Tak insaf lagi lepas dipenjara 10 tahun



MOHD Suhaimi (tengah) bersama pegawai polis menunjukkan dadah yang dirampas.

## Tak insaf lagi lepas dipenjara 10 tahun

**Marang:** Hukuman penjara 10 tahun dan 13 sebatan ternyata tidak menginsafkan seorang bekas banduan apabila sekali lagi dicekup kerana disyaki mengedar dadah selepas hampir enam bulan dibebaskan dalam serbuan di sebuah rumah di Kampung Bukit Payong, di sini, kelmarin.

Malah, lelaki berusia 42 tahun terbabit sebelum ini sudah lima kali masuk penjara atas kesalahan sama.

Difahamkan, bagi kesalahan terakhir sebelum ini, suspek berusia 42 tahun dikenakan hukuman penjara 10 tahun dan 13 sebatan mengikut Seksyen 39A(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 sebelum dibebaskan Jun lalu.

Ketua Polis Daerah Deputy Superintendan Mohd Suhaimi Ali berkata, dalam

serbuan kira-kira 7.30 pagi, polis menemui beberapa jenis dadah disorokkan di rumah disewa suspek dan kereta Perodua Myvi miliknya.

Katanya, hasil pemeriksaan di dalam rumah, polis menemui dua beg plastik warna biru berisi 390 biji pil disyaki pil kuda yang dianggarkan bernilai RM3,900, 10 keping foil berisi pil disyaki jenis Eramine 5 berjumlah 100 biji (RM1,500) dan empat paket plastik lut sinar berisi ketulan kristal disyaki syabu bernilai RM11,749.50.

"Menerusi pemeriksaan di dalam kereta pula, polis menemui dua bungkus kertas pembalut dibungkus plastik yang mana setiap satunya mengandungi 10

paket plastik biru berisi 4,000 biji disyaki pil kuda bernilai RM40,000 di dalam kulit pintu bahagian pemandu.

"Polis juga menemui lima bungkus akhbar yang setiap satunya berisi satu bungkus berisi 10 botol plastik cerah bertudung kuning mengandungi serbuk putih disyaki dadah jenis heroin dengan rampasan dianggarkan bernilai RM5,009 yang disorokkan di ruang bawah stereng," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Marang di sini, semalam.

Beliau berkata, nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM87,158.50 termasuk wang tunai sebanyak RM10,000.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 39B ADB 1952 dan suspek kini direman sehingga 16 Disember ini untuk siasatan lanjut," katanya.

**FAKTA**  
Bekas banduan  
sekali lagi dicekup  
kerana disyaki  
mengedar dadah